

Pertandingan sukan cangkil bakat terpendam

10 8.5.2018 All
KOTA KINABALU: Kelab Sukan dan Rekreasi Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan UMS berjaya menghilangkan stres dan kebosanan bekerja dengan menganjurkan aktiviti sukan yang telah diadakan di sini baru-baru ini.

Menceriakan aktiviti sukan berkenaan adalah pertandingan secara tertutup bagi ping pong dan dart mengikut rumah di dalam kelab (Rumah Merah, rumah hijau, rumah biru dan rumah kuning).

Acara yang diadakan selepas waktu bekerja itu telah berjaya mencangkil bakat yang terpendam dalam kalangan ahli kelab yang berdaftar.

Dalam acara ping pong telah dibahagikan kepada tiga kategori iaitu perseorangan, beregu dan



PUNGUT bersama-sama sebahagian para pemain dart Kelab Sukan Dan Rekreasi JPP.

campuran.

Dalam acara perseorangan ping pong johan dimenangi oleh Rumah Merah yang diwakili oleh Ir. Pungut Ibrahim naib johan

disandang oleh Basrin Abbas, tempat ketiga dan keempat dimenangi oleh rumah kuning yang diwakili oleh Mohd. Razali Cama dan Walter Marium.

Dalam acara beregu pula, johan dimenangi Rumah Hijau yang diwakili oleh Mohd. Ridzuan Ibrahim dan Shahrul, naib johan dimenangi Rumah Merah diwakili oleh Azlan Jasmin



SEBAHAGIAN pemain dari Rumah Kuning dan Merah dari kanan Jumardi, Samsun, Sanjay dan Herman Lairi berpuas hati setelah menyertai kejohanan ping pong anjuran kelab sukan dan reaksi JPP.



JOHAN pertandingan dart dari kiri Azlan, Thomas, Fredoline, Sanjay, Sopian (Pengerusi Penganjur) Alexander dan Deviella.

dan Asnawi Jamnul dan ketiga disandang Rumah Merah diwakili oleh Sanjay Hassan dan Herman Lairi.

Bagi kategori beregu campuran pula, Johan dimenangi oleh Rumah Biru pasangan Azlan Malla dan Alizah Fadzlor, tempat kedua dimenangi oleh pasangan Rudy Ngo Kwei Fatt dan Edith

Kulintin dan ketiga jatuh kepada Rumah Kuning yang diwakili oleh Awang Rusdey dan Asafiah Kamsin.

Bagi pertandingan dart pula johan dimenangi Rumah Merah yang diwakili oleh Ir. Pungut Ibrahim, Fredoline Aben Albil, Azlan Jasmin, Thomas Ambau, dan Deviella Dulait. Naib johan dimenangi Rumah Hijau yang diwakili oleh Mohd. Ridzuan Ibrahim, Mohd. Firdaus Anson, Edmund Cheristopher, Rolan Ripah, Sumiah Suhailah Yusof dan Rozaini Sajap dan tempat ketiga telah dikongsikan bersama Rumah Kuning dan Biru.



PERLAWANAN akhir Rumah Kuning (Fadzley dan Sopian) bertemu dengan Rumah Hijau (Mohd. Ridzuan dan Shahrul).